

D385

U B560 AAB

MAHATHIR - ABDULLAH

(I)

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA DATUK ABDULLAH AHMAD MENYATAKAN PENDAPAT PERIBADINYA APABILA ANGGOTA PARLIMEN UMNO KOK LANAS ITU MENYAMPAIKAN UCAPAN MENGENAI POLITIK MALAYSIA DI SINGAPURA AHAD LEPAS.

UCAPAN ITU, +ISU-ISU DALAM POLITIK MALAYSIA+ YANG DIBUAT OLEH DATUK ABDULLAH DI INSTITUT HAL EHWAL ANTARABANGSA (IIA) DI REPUBLIK ITU MENDAPAT BANTAHAN PARTI-PARTI POLITIK BUKAN MELAYU DAN ORANG-ORANG PERSEORANGAN DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI, KETIKA MENGULAS UCAPAN ITU BERKATA: +PERTAMA SEKALI IA MERUPAKAN PENDAPAT PERIBADINYA DAN KEDUA IA DIPERKATAKAN DI SINGAPURA. PENDAPAT SEPERTI ITU PERNAH JUGA DILAHIRKAN OLEH ORANG-ORANG CINA DAN INDIA MENGENAI STATUS MEREKA.

+JADI SAYA TIDAK FIKIR ADA BANYAK HAL DARIPADA APA YANG DIPERKATAKANNYA,+ UJAR BELIAU.

MENGENAI REAKSI PARTI-PARTI POLITIK TENTANG UCAPAN ITU BELIAU BERKATA: DALAM DEMOKRASI BEBAS RAKYAT BOLEH MELAHIRKAN PENDAPAT MEREKA. - LAGI.

1522MST 08 09 86

D388

U B563 AAB

MAHATHIR - ABDULLAH 2 KUALA LUMPUR

(I)

MENGENAI ADUAN MCA KEPADA POLIS TENTANG UCAPAN ITU YANG DIANGGAP +MENGHASUT+ BELIAU BERKATA: +SAYA TIDAK TAHU. DATUK LEE KIM SAI TELAH BERKATA KITA TIDAK HARUS TERLALU SENSITIF TENTANG PERKARA-PERKARA INI. SAYA TIDAK TAHU SIAPA SEBENARNYA SENSITIF.+

SAMBIL BERSELOROH BELIAU BERKATA: +SAYA KELIRU SEDIKIT SEJAK PULANG DARI HARARE, YANG TERLETAK 4,900 KAKI DARI PERMUKAAN LAUT DAN UDARA DI SANA KURANG PADAT. KINI SAYA MENJEJAKI BUMI SEMULA.+ - BERNAMA.

1528MST 08 09 86